

28/03/1998

Amanah Saham Wanita tunggu PNB

KABINET sudah menyerahkan cadangan penubuhan Amanah Saham Wanita kepada Permodalan Nasional Bhd (PNB) untuk penelitian lanjut, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Bagaimanapun, menurutnya, pihak PNB masih belum membuat sebarang keputusan terhadap penubuhan saham amanah itu yang dikhususkan untuk wanita saja.

"Penubuhan dana wanita ini mempunyai potensi cerah memandangkan ramai wanita yang layak melabur masih belum melabur. Dana ini akan menjadi mekanisme bagi wanita untuk melabur dalam pasaran saham."

"Dana ini boleh diwujudkan dengan kerjasama PNB. Kabinet sudah menyerahkan kepada PNB untuk pertimbangan teliti," katanya selepas melancarkan kempen menabung untuk kakitangan kementerianannya di Kuala Lumpur semalam.

PNB buat masa kini menguruskan tiga skim saham amanah iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN) and Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020).

Rafidah sebelum ini pernah menjelaskan bahawa Amanah Saham Wanita yang dimaksudkannya itu berbeza daripada Amanah Saham Wanita yang dirancang pembentukannya oleh Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN).

Beliau mencadangkan supaya diwujudkan tabung Amanah Saham Wanita di bawah kelolaan PNB untuk pertimbangan kerajaan, bagi memanfaatkan lebih 10.2 juta wanita di negara ini.

Sebelum ini timbul kekeliruan kerana Pengerusi Wanita BN, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman memperkatakan mengenai Akaun Ehsan Wanita yang dilancarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lalu.

Zaharah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno turut menyatakan, fasa kedua Akaun Ehsan Wanita yang membabitkan pembentukan.

Amanah Saham Wanita, dijangka dilancarkan sebelum akhir tahun ini. Dana itu akan dikendalikan oleh Metrowangsa Asset Management dan Hijrah Asset Managers dan masih menunggu kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC). Simpanan minimumnya adalah RM100.

Amanah saham wanita yang dicadangkan oleh Rafidah terbuka kepada semua wanita di Malaysia, berbilang kaum dengan nilai pelaburan serendah RM10, sama seperti amanah saham lain yang dikendalikan PNB.

(END)